



Januari 2026

BERITA MUSLIMIN



JKPK Selangor di Semporna

Pada awal Januari 2026, Jawatankuasa Perhubungan Kawasan (JKPK) Selangor di bawah Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) telah melakar kenangan indah menerusi program Kembara & Ziarah ke Semporna, Sabah. Rombongan yang diketuai oleh Pengerusi JKPK Selangor, Tuan Fatkuradzi Jamil ini berpeluang menelusuri keindahan panorama Pulau Mabul serta meneroka syurga hidupan marin Semporna menerusi pelbagai aktiviti menarik. Ia bertujuan menghargai keindahan alam sambil memperkukuh ikatan ukhuwah sesama anggota koperasi.

Lebih bermakna, kembara merentas lautan ini turut menjadi medan silaturahim bersama barisan pimpinan KMMB dari JKPK negeri lain. Pihak rombongan berbesar hati menyantuni dan menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada Wakil JKPK Sabah, Cikgu Lajulliadi Jahidi, serta Pengerusi JKPK Johor, Dr. Wan Ibrisam Fikry Wan Ismail. Sesungguhnya, program santai penuh bermakna ini membuktikan bahawa jarak fizikal bukanlah penghalang untuk warga KMMB terus bersatu hati dan menyokong satu sama lain.

Sinergi Jawatankuasa Putrajaya : Mesyuarat Berkala

Alhamdulillah, selesai sudah sesi perbincangan Jawatankuasa Perhubungan Koperasi Muslimin Putrajaya yang berlangsung dalam suasana harmoni dan penuh semangat kerjasama. Pertemuan ini bukan sekadar urusan rasmi meja bulat, malah menjadi platform penting untuk menyatukan idea, pandangan serta cadangan demi manfaat dan kesejahteraan seluruh warga koperasi.

Sepanjang sesi berlangsung, pelbagai perkara telah dibincangkan secara terperinci termasuk penambahbaikan perkhidmatan, perancangan aktiviti akan datang serta strategi memperkukuhkan peranan koperasi dalam komuniti. Setiap ahli jawatankuasa memainkan peranan aktif dalam menyumbangkan buah fikiran dan pengalaman masing-masing bagi memastikan setiap keputusan yang diambil memberi impak positif dan berkesan. Sambil menikmati juadah ringkas dalam suasana santai namun produktif, pelbagai perancangan dan gerak kerja telah disusun rapi bagi memastikan perkhidmatan terbaik terus disampaikan kepada ahli secara konsisten dan berintegriti.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang hadir serta memberikan komitmen padu sepanjang sesi ini. Semoga segala usaha yang dirancang dipermudahkan dan membawa keberkatan demi kemajuan Koperasi.



Menziarahi Bekas Kakitangan Koperasi Muslimin Malaysia

KMMB Santuni Keluarga Allahyarhamah Nurul Huda Suratman. Pada 27 Januari 2026, wakil Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) telah menziarahi keluarga bekas staf koperasi, Allahyarhamah Nurul Huda Suratman, yang telah kembali ke rahmatullah. Ziarah ini bertujuan menyampaikan ucapan takziah serta sokongan moral kepada ahli keluarga yang ditinggalkan.

Setiausaha KMMB, Haji Mohamad Noor Mohamad, turut hadir dalam kunjungan tersebut dan menyerahkan sumbangan daripada pihak koperasi kepada suami Allahyarhamah sebagai tanda keprihatinan serta solidariti warga koperasi terhadap keluarga bekas warga kerja yang pernah berkhidmat. Tidak lupa juga kehadiran Naib Pengerusi KMMB, YBhg Dato Che Ab Rahim Che Daud yang turut menzahirkan rasa simpati dan penghargaan atas jasa serta pengorbanan Allahyarhamah sepanjang tempoh perkhidmatannya bersama koperasi.

Pihak koperasi turut merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarhamah Nurul Huda Suratman dan mendoakan agar roh beliau dicucuri rahmat serta ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Semoga keluarga diberikan ketabahan dan kekuatan menghadapi ujian ini.



Bowling KMMB 2026

Pada 31 Januari 2025, Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) telah menganjurkan Program Bowling yang berlangsung meriah di Wangsa Walk, Kuala Lumpur. Program ini diadakan sebagai salah satu inisiatif untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan serta ahli keluarga masing-masing.

Antara yang turut hadir memeriahkan program ialah Haji Muhammadewa selaku Timbalan Pengerusi, Dato' Che Abd Rahim selaku Naib Pengerusi, Mejar Haji Azman sebagai Penolong Setiausaha, serta Haji Nik bersama barisan staf koperasi dan keluarga mereka. Kehadiran para ALK jelas menunjukkan komitmen kepimpinan dalam memperkukuhkan hubungan kekeluargaan dan semangat kerja berpasukan dalam organisasi.

Suasana program berlangsung dalam keadaan santai dan penuh kemesraan. Selain pertandingan bowling yang menceriakan suasana, program ini turut menjadi platform untuk semua warga koperasi berinteraksi di luar suasana kerja rasmi.

Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memperkukuhkan ukhuwah, meningkatkan semangat berpasukan serta memupuk keharmonian dalam kalangan warga KMMB.



KAD NFC KOPERASI MUSLIMIN KINI TERSEDIA!

Mudah, pantas & praktikal untuk kegunaan harian anda

Boleh digunakan untuk tol, tempat letak kereta & pengangkutan awam, siap tersedia dengan RM10 di dalamnya.

Untuk pembelian sila hubungi :
019-6607582 (Keanggotaan)



**RM40
SAHAJA**

Notis Peringatan:

**Persediaan Menghadapi Mesyuarat Agung
Kawasan (MAK)
Akan Datang Dalam Tempoh 2 Bulan**



Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, kita melangkah ke tahun 2026 selepas melalui tahun 2025 dengan pelbagai pencapaian hasil komitmen padu Anggota Lembaga dan sokongan berterusan daripada anggota sekalian.

Memasuki tahun 2026, Koperasi Muslimin Malaysia Berhad akan memberi tumpuan kepada pengukuhan tadbir urus, memperkasakan ekosistem kewangan Islam melalui kerjasama strategik bersama agensi berkaitan, serta meneroka peluang pelaburan baharu termasuk kerjasama serantau demi manfaat ekonomi dan sosial anggota.

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) dijangka berlangsung pada April 2026. Sehubungan itu, semua anggota digalakkan mengemaskini maklumat peribadi dan terus terlibat secara aktif dalam aktiviti Koperasi.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memperkukuh KMMB demi kesejahteraan ummah, selaras dengan moto

"Rezeki Halal, Keluarga Bahagia, Masyarakat Sejahtera."

Selamat Tahun Baharu 2026.